



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
*Ministry of Agriculture and Food Industries*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### **RAJA BUAH MALAYSIA TERUS MENDAPAT PERMINTAAN TINGGI DI BELANDA**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui pejabatnya di The Hague, Belanda telah menganjurkan Program *Taste of Malaysia* (TOM) 2021 dengan kerjasama pasaraya Amazing Oriental, Kedutaan Besar Malaysia di The Hague, MATRADE dan Tourism Malaysia pada 10 – 23 November 2021. Pasaraya Amazing Oriental merupakan pasaraya Asia terbesar di Belanda dengan 21 cawangan di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai produk makanan Malaysia di samping mempromosikan durian serta produk berasaskan durian jenis ‘Musang King’ di negara tersebut.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh pihak pasaraya, secara keseluruhannya, program ini telah menunjukkan peningkatan jualan produk makanan Malaysia yang amat memberangsangkan iaitu sehingga 228% berbanding tanpa usaha promosi. Ibu buah durian sejuk beku jenis ‘Musang King’ mendapat permintaan sehingga 6 kali ganda iaitu 86 karton berbanding 12 karton tanpa promosi manakala buah durian sejuk beku pula mencatatkan jualan sehingga 3 kali ganda. Produk-produk berasaskan durian juga mendapat sambutan yang amat tinggi dengan peningkatan permintaan sehingga 50% berbanding tanpa sebarang usaha promosi.

Ketua Setiausaha MAFI, YBhg. Dato’ Haslina binti Abdul Hamid berkata, potensi pasaran produk pertanian di Eropah adalah amat luas namun pada masa yang sama aspek keselamatan makanan juga perlu diutamakan. Pihak Kesatuan Eropah memberi perhatian yang serius terhadap keperluan import dan eksport seperti aspek kelestarian, *traceability*, pensijilan, pembungkusan dan pelabelan. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui polisi-polisi berkaitan sekuriti makanan yang telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, beliau yakin bahawa lebih banyak produk pertanian dan makanan akan dapat memenuhi keperluan tersebut melalui khidmat nasihat dan sokongan oleh pihak Kementerian dan agensi-agensi berkaitan.

Menurut Duta Besar Malaysia ke Belanda, Dato’ Nadzirah Osman yang telah merasmikan program tersebut, jalinan kerjasama strategik bersama pihak pasaraya adalah amat diperlukan bagi memastikan lebih banyak buah-buahan dan produk makanan dapat diimport ke negara tersebut. Terdapat juga kemudahan logistik seperti pelabuhan Rotterdam yang menjadi pintu masuk utama bagi perdagangan sektor pertanian di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah.

Pejabat Perwakilan Pertanian MAFI di The Hague, Belanda merupakan pejabat serantau yang meliputi pasaran 33 buah negara iaitu United Kingdom (UK), 27 negara Kesatuan Eropah, 4 negara *European Free Trade Association* (Iceland, Liechtenstein, Norway & Switzerland) dan Rusia. Di antara fungsi pejabat ini adalah untuk memperluaskan akses pasaran, memberikan khidmat nasihat berkaitan keperluan sanitari & fitosanitari (SPS), keperluan import & eksport bagi produk pertanian dan mempertingkatkan kerjasama dalam bidang teknologi pertanian serta pelaburan.

Disediakan oleh:

**PEJABAT PERWAKILAN PERTANIAN (THE HAGUE)**

**13 Disember 2021**